

# **TIKTOK SEBAGAI MEDIUM PENYEBARAN DAKWAH : ANALISIS DARI SUDUT PANDANG POSITIF DAN NEGATIF SERTA KESANNYA KEPADA MASYARAKAT PADA MASA KINI**

## ***TIKTOK AS A MEDIUM FOR SPREADING DAKWAH: ANALYSIS FROM THE POSITIVE AND NEGATIVE POINT OF VIEW AND ITS IMPACT ON SOCIETY TODAY***

**Mohammad Qayyum Khairuddin\***

Institut Islam Hadhari,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Wan Zulkifli Wan Hassan**

Institut Islam Hadhari, Pusat Pengajian Citra,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Jamsari Alias**

Institut Islam Hadhari, Pusat Pengajian Citra,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

*\*Corresponding Author's Email: P107685@siswa.ukm.edu.my*

---

### **Article History:**

*Received* : 21 July 2025

*Accepted* : 20 August 2025

*Published* : 24 December 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

---

### ***To cite this article:***

Khairuddin, M. Q., Wan Hassan, W. Z. & Alias, J. (2025). Tiktok sebagai Medium Penyebaran Dakwah : Analisis Dari Sudut Pandang Positif dan Negatif Serta Kesannya Kepada Masyarakat Pada Masa Kini. *Jurnal 'Ulwan*, 10(2), 1-17.

### **ABSTRAK**

Kehadiran media sosial dalam kalangan masyarakat masa kini telah memacu perubahan besar dalam cara manusia berkomunikasi, memperoleh maklumat dan menjalani kehidupan harian. Media sosial kini menjadi alat penting dalam kehidupan seharian, termasuk sebagai medium penyebaran dakwah Islam. Seiring dengan perkembangan teknologi digital, terdapat pendakwah yang mengambil peluang menggunakan aplikasi media sosial seperti TikTok sebagai platform dakwah yang efektif. Tujuan artikel ini adalah untuk membincangkan kebaikan dan keburukan penggunaan aplikasi TikTok sebagai medium penyebaran dakwah Islam.

Kajian ini dijalankan melalui kaedah pemerhatian terhadap kandungan dakwah yang dimuat naik dalam aplikasi TikTok. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan TikTok dalam penyebaran dakwah mempunyai kesan positif seperti menangkis tanggapan negatif masyarakat bukan Islam terhadap agama Islam. Namun begitu, terdapat juga keburukan seperti potensi untuk memecah-belahkan masyarakat sekiranya mesej dakwah disampaikan tanpa hikmah dan sensitiviti. Justeru, adalah penting bagi para pendakwah untuk menggunakan media sosial secara beretika, berhemah dan berpandukan prinsip dakwah Islam agar tidak menimbulkan kekeliruan atau salah faham dalam kalangan masyarakat.

**Kata kunci:** media sosial, tiktok, dakwah digital, kebaikan dan keburukan, etika penyebaran dakwah

## **ABSTRACT**

*The emergence of social media in contemporary society has significantly transformed the way people communicate, access information, and live their daily lives. Social media has become an essential tool in modern life, including as a medium for Islamic preaching (dakwah). In line with the advancement of digital technology, some preachers have taken the opportunity to use social media platforms, particularly TikTok, as an effective channel for spreading Islamic teachings. This article aims to examine the advantages and disadvantages of using TikTok as a medium for dakwah dissemination. The study was conducted through content observation of dakwah-related materials shared on TikTok. The findings reveal that while TikTok can serve as a beneficial platform such as countering negative perceptions of Islam among non-Muslims it also carries risks, including the potential to divide communities if messages are not delivered wisely. Therefore, it is crucial for Islamic preachers to use social media ethically, prudently, and in accordance with Islamic principles to avoid confusion and misinterpretation among the public.*

**Keywords:** social media, tiktok, digital da'wah, advantages and disadvantages, ethics of da'wah dissemination

## **1.0 PENGENALAN**

Kemunculan pelbagai media sosial dalam era globalisasi masa kini telah memacu perubahan besar dalam kehidupan sosial masyarakat. Media sosial telah menjadi sebahagian daripada alat penting dalam kehidupan manusia moden. Kebergantungan terhadap media sosial dalam kehidupan seharian semakin ketara apabila masyarakat menjadikan platform ini sebagai medium utama untuk memperoleh pelbagai maklumat (Kiantini, 2021). Hal ini demikian kerana sifat media sosial yang sentiasa dikemas kini oleh syarikat pengeluar serta keupayaannya dalam menyebarkan maklumat dengan pantas menjadikan media sosial semakin diminati oleh pengguna pelbagai lapisan masyarakat.

Menurut Kamarudin et al., (2019), kepantasan penyebaran maklumat melalui media sosial mampu memberikan impak yang besar kepada pengguna. Justeru, media sosial kini menjadi satu keperluan penting dalam kehidupan seharian (Shahidah et al., 2020). Seiring dengan kemajuan teknologi, pelbagai aplikasi media sosial boleh diakses dengan mudah melalui internet dan peranti pintar. Ketersediaan aplikasi ini secara percuma turut menyumbang kepada peningkatan penggunaannya dalam kalangan masyarakat. Salah satu aplikasi media sosial yang mendapat tempat di hati pengguna masa kini ialah TikTok.

TikTok merupakan sebuah aplikasi yang membolehkan pengguna menghasilkan video pendek berdurasi antara 30 saat hingga lima minit. Aplikasi ini mula diperkenalkan pada tahun 2016 oleh seorang pemuda dari China bernama Zhang Yiming dan dimiliki oleh syarikat teknologi ByteDance. TikTok menjadi popular di seluruh dunia kerana kandungan videonya yang pelbagai seperti nyanyian, tarian dan komedi (Basch et al., 2020). Menurut (Nuzuli, 2022), populariti TikTok kini telah mengatasi platform media sosial lain seperti Facebook dan Instagram.

Disebabkan popularitinya yang meluas, para pendakwah Islam turut mengambil inisiatif memanfaatkan aplikasi TikTok sebagai medium dakwah kepada masyarakat. Menurut Fatriadi (2020), meskipun TikTok mempunyai sisi negatif, ia juga menawarkan potensi positif seperti menjadi saluran dakwah yang efektif. Justeru, para pendakwah disarankan untuk meneroka platform media sosial dalam menyampaikan dakwah agar tidak ketinggalan dalam arus perubahan zaman (Wahab et al., 2019). Hal ini penting kerana masyarakat masa kini amat bergantung kepada media sosial sebagai sumber maklumat utama dalam kehidupan seharian mereka.

## 2.0 TEORI KAJIAN

Dalam penghasilan sesebuah kajian, penggunaan teori merupakan elemen penting yang menjadi asas dan landasan penyelidikan. Teori bertindak sebagai rangka kefahaman yang memandu penyelidik dalam meneliti, menilai serta membentuk dapatan kajian. Dalam kajian ini, penyelidik telah mengaplikasikan tiga teori utama iaitu Teori Komunikasi Dakwah Digital, Teori *Uses and Gratification* (U&G) dan Teori Media Baharu. Ketiga-tiga teori ini bertindak sebagai rangka kerja asas sebelum dibentuk kepada satu kerangka konseptual yang digunakan sebagai panduan kajian.

Teori Komunikasi Dakwah Digital dipilih kerana ia dilihat sangat relevan dalam konteks penyebaran maklumat Islam masa kini. Penyampaiannya bersifat kreatif, interaktif dan lebih efektif kerana wujud proses komunikasi dua hala antara pendakwah dan penerima. Menurut Rani (2023), perkembangan media sosial telah membuka ruang dan peluang baharu dalam memperbaharui pendekatan dakwah, terutama dari aspek komunikasi, capaian maklumat agama serta penglibatan masyarakat secara aktif. Teknologi digital menjadikan dakwah lebih meluas, melangkaui batas lokasi dan mampu diakses oleh pelbagai golongan masyarakat secara lebih efisien.

Selain itu, kajian ini turut menggunakan Teori *Uses and Gratification* (U&G) yang diperkenalkan oleh Katz, Blumler & Gurevitch (1974). Teori ini menerangkan bahawa pengguna media memilih kandungan tertentu bagi memenuhi keperluan dan


kepuasan peribadi mereka. Contohnya, pengguna boleh memilih media untuk tujuan pembelajaran, hiburan, interaksi sosial mahupun keperluan ekonomi seperti pemasaran dan perniagaan. Teori ini membantu menjelaskan sebab dan motivasi pengguna TikTok untuk mengikuti kandungan dakwah secara sukarela.

Di samping itu, pengkaji turut menerapkan Teori Media *Baharu* (*New Media Theory*) bagi meneliti ciri dan sifat platform media sosial khususnya TikTok sebagai medium dakwah. TikTok dikategorikan sebagai media baharu kerana ia menyediakan ciri komunikasi dua hala, penyampaian mesej yang bersifat visual-dinamik serta kemudahan penghasilan video yang ringkas tetapi menarik. Ciri-ciri ini mempengaruhi keberkesanan mesej dakwah yang dikongsi serta menarik minat pengguna untuk terlibat secara aktif (Yuni, 2017).

Sehubungan itu, penggabungan ketiga-tiga teori ini membolehkan pengkaji menganalisis kesan positif dan negatif penggunaan TikTok sebagai medium penyebaran dakwah. Hal ini penting kerana media sosial beroperasi tanpa tapisan yang ketat terhadap kandungan yang dimuat naik, menyebabkan risiko penyebaran maklumat tidak sahih dan potensi pengaruh negatif khususnya kepada golongan remaja dari aspek akhlak (Abdullah & Ismail, 2022).

Berdasarkan teori-teori tersebut, satu kerangka konseptual telah dibangunkan bagi menunjukkan bahawa penyebaran dakwah melalui TikTok dipengaruhi oleh tiga elemen utama: (1) pendekatan komunikasi pendakwah berasaskan Teori Komunikasi Dakwah Digital, (2) motivasi serta keperluan pengguna seperti yang diuraikan melalui Teori Uses and Gratification, dan (3) ciri-ciri media baharu yang membolehkan dakwah disebarkan secara lebih kreatif dan interaktif.

Kesimpulannya, teori dan kerangka konseptual ini menegaskan bahawa keberkesanan dakwah di TikTok bergantung pada kemampuan penyampai menyusun mesej mengikut keperluan audiens serta memanfaatkan sepenuhnya ciri interaktif platform tersebut. Kerangka yang dibangunkan menjadi asas penting dalam menilai kekuatan, kelemahan dan kesan penyebaran dakwah melalui media sosial masa kini.



**Rajah 1:** Kerangka Konseptual

### 3.0 PENYATAAN MASALAH

Kehadiran pelbagai media sosial dalam kehidupan masyarakat masa kini, khususnya aplikasi TikTok, telah memberikan pelbagai impak kepada para penggunanya. Kesan yang ditinggalkan oleh platform ini wajar diberi perhatian serius kerana ia bukan sahaja memberi kesan positif, tetapi juga kesan negatif yang besar. Kebimbangan utama yang perlu dipertimbangkan adalah hakikat bahawa media sosial, termasuk TikTok, sering menjadi saluran kepada penyebaran kandungan berunsur negatif yang sukar dibendung. Kandungan sedemikian berpotensi mempengaruhi pemikiran pengguna, terutamanya remaja Muslim, ke arah pemikiran yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam.

Menurut Malihah, (2019), aplikasi TikTok membawa bersama manfaat dan mudarat kepada penggunanya. Namun, beliau berpandangan bahawa kesan negatif adalah lebih dominan. Ini kerana sebahagian besar kandungan dalam TikTok dilihat tidak selari dengan prinsip dan cara hidup Islam, dan aplikasi ini turut didominasi oleh pengguna wanita Malihah, (2019). Penglibatan wanita dalam aplikasi ini perlu diteliti dengan serius kerana wanita dalam Islam mempunyai batas tertentu yang wajib dijaga, termasuk hal berkaitan aurat dan pergaulan bebas.

Dalam era globalisasi ini, penggunaan media sosial seperti TikTok tidak lagi terbatas kepada aktiviti hiburan sebagaimana pada awal kemunculannya. Kini, ia turut digunakan oleh para pendakwah untuk menyampaikan mesej dakwah kepada masyarakat. Pendekatan ini merupakan satu inisiatif yang positif kerana ia dapat menangani pelbagai isu agama, terutamanya yang berkaitan dengan akidah. Namun demikian, wujud beberapa permasalahan yang timbul daripada penyebaran dakwah di TikTok, termasuk penyebaran maklumat yang tidak sahih dan mengelirukan masyarakat Islam. Menurut Shahidah et al., (2020), penyebaran berita palsu di media sosial adalah sangat meluas, dan fenomena ini turut berlaku dalam platform TikTok. Oleh itu, masyarakat Islam perlu memiliki pengetahuan asas yang mantap agar dapat membezakan antara ajaran yang benar dengan yang bertentangan dengan prinsip Islam.

Tambahan pula, menurut pandangan Dr. Zulkifli Al-Bakri, penyebaran dakwah di media sosial masa kini masih berada pada tahap yang lemah. Hal ini kerana tanggungjawab dakwah seolah-olah digalas hanya oleh golongan selebriti dan individu berpengaruh sahaja. Ketergantungan terhadap tokoh tertentu dalam penyampaian dakwah boleh menimbulkan masalah, termasuk perpecahan dalam kalangan umat Islam apabila wujud perbezaan pendapat antara tokoh yang dikagumi dengan ilmuwan lain yang mungkin lebih berautoriti. Sikap taksub kepada tokoh tertentu seharusnya dihindari agar tidak berlaku sikap ekstrem sehingga menyesatkan golongan ilmuwan yang tidak sependapat. Akibatnya, masyarakat akan rugi kerana ruang pencarian ilmu akan menjadi sempit dan terbatas hanya kepada satu sumber sahaja.

Sehubungan itu, para pendakwah dan ilmuwan Islam harus menekankan pendekatan dakwah bil hikmah dalam menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat. Allah SWT telah memberikan panduan yang jelas kepada para pendakwah, sebagaimana firman-Nya:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْهُمْ يَأْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ  
رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk” (Surah An-Nahl 125)

Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam tafsirnya, terdapat tiga prinsip utama yang ditekankan dalam ayat tersebut, iaitu: pertama, menyampaikan dakwah dengan hikmah iaitu menggunakan kata-kata yang tepat, menyentuh hati dan sesuai dengan keadaan mad'u (sasaran dakwah); kedua, dengan mau'izah hasanah – iaitu memberi nasihat dan pelajaran yang baik, yang mampu meninggalkan kesan mendalam dalam hati pendengar; dan ketiga, berdebat dengan cara terbaik iaitu berhujah secara sopan, rasional dan penuh adab. Ketiga-tiga prinsip ini merupakan asas penting dalam metodologi dakwah Islam yang berkesan. Sekiranya pendekatan ini dilaksanakan dengan penuh hikmah dan kesedaran, ia mampu menarik perhatian masyarakat, termasuk golongan bukan Islam, untuk lebih dekat dan memahami ajaran Islam.

Sehubungan itu, setiap pendakwah sewajarnya menjadikan prinsip-prinsip ini sebagai panduan utama dalam menyampaikan risalah dakwah. Selain menguasai isi kandungan dakwah, pendakwah juga perlu memiliki ketegasan dan keberanian dalam menyampaikan kebenaran, tanpa takut kepada tekanan atau pandangan negatif masyarakat. Di samping itu, persiapan dari sudut mental dan fizikal juga amat penting, terutamanya dalam menghadapi persoalan atau cabaran daripada masyarakat, yang kadangkala bersifat provokatif. Pendakwah perlu bersedia dengan ilmu, kesabaran, dan strategi komunikasi yang bijaksana bagi memastikan mesej dakwah dapat disampaikan dengan jelas, tepat dan berkesan kepada semua lapisan masyarakat.

Walaupun potensi TikTok sebagai medium dakwah adalah besar, namun terdapat kekurangan kajian yang menilai secara mendalam bagaimana kandungan dakwah di platform ini mempengaruhi kebaikan, keburukan dan kesan kepada masyarakat. Kebanyakan kajian lepas lebih mengfokuskan kepada penilaian umum tanpa disokong dengan data empirikal. Hal ini menimbulkan jurang pengetahuan dan hal ini sangat penting untuk memahami kandungan dakwah dihasilkan, diterima serta kesan terhadap nilai dan tingkah laku pengguna. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan menganalisis kandungan dakwah yang terdapat di aplikasi TikTok dari sudut kebaikan dan keburukan serta kesan yang berlaku hasil dari penyebaran kandungan dakwah di platform popular ini.

Sebagai contoh, analisis terhadap kandungan dakwah di TikTok, kandungan dakwah yang dihasilkan dengan menggunakan elemen gabungan seperti elemen visual, audio dan teks ringkas yang menarik dan mudah difahami oleh pengguna. Kebanyakan kandungan dakwah yang disediakan adalah berunsur motivasi,

pengajaran akhlak dan penjelasan isu-isu agama secara santai dan relevan dengan kehidupan masa kini. Selain itu, fungsi interaktif seperti komen dan perkongsian membolehkan masej yang disampaikan dapat menjadi capaian yang luas serta membina jaringan komuniti dalam kalangan remaja.

Walaupun begitu, terdapat kandungan video yang dimuat naik ke aplikasi ini merupakan maklumat dan berita palsu. Hal ini kerana kandungan yang dimuat naik tidak mempunyai tapisan yang ketat sehingga terdapat maklumat dan berita yang dikongsikan adalah palsu. Selain itu, gaya penyampaian yang kurang formal dalam beberapa video turut menjadi sebab berlaku salah faham serta tafsiran yang menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh demikian itu, secara keseluruhannya penyebaran dakwah di TikTok telah meningkatkan minat masyarakat untuk menggunakannya sebagai medium dakwah terutama kepada golongan remaja. Namun penggunaan TikTok sebagai medium dakwah dari sudut keburukan juga perlu diberi perhatian kerana terdapat kandungan yang disebarikan adalah tidak tepat dan bertentangan dengan prinsip nilai-nilai Islam.

#### 4.0 KEWAJIPAN DAKWAH

Dakwah merupakan suatu pekerjaan yang amat mulia di sisi Islam. Perkataan *dakwah* berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud "menyeru" atau "mengajak". Oleh kerana makna asasnya ialah menyeru manusia kepada kebaikan dan kebenaran, maka ia menjadi salah satu amalan yang sangat dituntut dalam agama Islam. Ini kerana mengajak manusia ke arah kebaikan adalah satu perbuatan yang membawa manfaat kepada individu dan masyarakat. Selain itu, dakwah juga merupakan pekerjaan utama para nabi dan rasul. Mereka diutuskan oleh Allah SWT untuk menyampaikan risalah tauhid kepada umat masing-masing agar mengesakan Allah dan membawa manusia menuju kehidupan yang diredhai-Nya.

Penyebaran dakwah pada hari ini tidak lagi dilakukan secara sembunyi-sembunyi seperti yang pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW pada peringkat awal dakwah Baginda kepada kaum Quraisy. Sebaliknya, dakwah kini telah mendapat sambutan yang lebih luas dalam kalangan masyarakat. Perkembangan ini berlaku hasil daripada peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menyampaikan kebaikan dan nilai-nilai Islam kepada sesama insan. Al-Quran sendiri banyak mengandungi seruan agar umat manusia menyebarkan kebaikan. Firman Allah SWT:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Bermaksud: “Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah daripada yang mungkar. Merekalah orang-orang yang berjaya.” (Surah Āli-‘Imrān, 3:104)

Menurut Prof. Dr. Hamka dalam tafsirnya, ayat ini membawa dua perintah utama daripada Allah SWT kepada umat Islam, iaitu menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap Muslim untuk terlibat dalam usaha dakwah agar nilai-nilai agama terus hidup dan tersebar dalam masyarakat. Mereka yang menyampaikan kebaikan dan mencegah kemungkaran dijanjikan kejayaan di dunia dan akhirat.

Selain itu, Nabi Muhammad SAW turut menekankan kewajipan mencegah kemungkaran dalam sabdanya:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيَعِزَّهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ  
فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ

Bermaksud: “Sesiapa antara kamu yang melihat kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Jika tidak mampu, maka dengan lidahnya. Jika tidak mampu juga, maka dengan hatinya, dan itulah selemah-lemah iman.” (Muslim, no. 49)

Dalam ayat yang lain, Allah SWT juga menekankan kemuliaan pekerjaan dakwah, sebagaimana firman-Nya:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Bermaksud: “Dan siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (agama) Allah, serta dia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: Sesungguhnya aku termasuk dalam kalangan orang-orang Islam.” (Surah Fuṣṣilat, 41:33)

Menurut Prof. Dr. Hamka dalam *Tafsir Al-Azhar*, ayat ini menggambarkan bahawa tiada pekerjaan yang lebih mulia selain daripada menyeru manusia kepada Allah dan beramal soleh. Walaupun dakwah merupakan tugas mulia dan amanah para nabi, ia tetap memerlukan persiapan rapi daripada pelbagai aspek, khususnya dari sudut kekuatan ilmu, emosi, dan keteguhan pendirian. Perasaan mudah berputus asa perlu dijaui kerana jalan dakwah dipenuhi pelbagai cabaran. Selain itu, ilmu yang mantap amat penting agar segala yang disampaikan tidak bercanggah dengan prinsip Islam yang sebenar.

Justeru itu, bagi individu yang ingin melibatkan diri secara serius dalam bidang dakwah, persiapan diri perlu menyeluruh dari pelbagai aspek kehidupan. Ketahanan emosi dan mental harus dipertingkatkan, selain memperkukuh ilmu pengetahuan merentas pelbagai bidang. Ini kerana tugas dakwah bukanlah satu pekerjaan mudah sebagaimana disangka oleh sesetengah pihak. Pendakwah bukan sahaja berhadapan dengan cabaran dalam kalangan umat Islam, bahkan juga daripada masyarakat bukan Islam yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, termasuk paderi dan mubaligh.



Lebih mencabar lagi, penyebaran dakwah pada era teknologi ini berdepan dengan perubahan gaya hidup masyarakat yang disajikan dengan pelbagai bentuk hiburan melalui media sosial. Aplikasi seperti TikTok, Instagram, dan YouTube bukan sahaja menjadi sumber hiburan, tetapi turut menjadi medan penyebaran nilai-nilai dan fahaman yang bercampur-aduk. Oleh itu, media sosial perlu dilihat bukan sekadar cabaran, tetapi juga sebagai peluang strategik bagi menyampaikan dakwah dengan pendekatan yang sesuai. Setiap pendakwah perlu memahami kelebihan dan kelemahan platform ini agar mesej dakwah yang disampaikan kekal sahih, relevan, dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

## **5.0 KEBAIKAN DAN KEBURUKAN TIKTOK SEBAGAI MEDIUM DAKWAH**

Menurut Aqilah et al. (2023), aplikasi TikTok merupakan salah satu platform media sosial yang paling popular pada masa kini, dengan mencatatkan sebanyak 19.3 juta pengguna aktif di Malaysia (amanz.my, 2023). Populariti TikTok didorong oleh kepelbagaian kandungan video yang ditawarkan kepada pengguna, termasuklah kandungan bersifat hiburan, pendidikan, serta video yang menyampaikan mesej dakwah. Menurut Hikmawati & Farida (2021), dakwah dan media sosial memiliki hubungan yang sangat erat dalam era globalisasi ini. Hal ini kerana kehidupan masyarakat masa kini amat bergantung kepada penggunaan telefon pintar dan aplikasi digital untuk mendapatkan pelbagai maklumat dan informasi harian.

Dalam konteks ini, TikTok juga telah menjadi salah satu medium alternatif untuk penyebaran dakwah Islam. Kandungan berunsur dakwah yang dimuat naik oleh para pendakwah atau pengguna awam boleh menjadi santapan rohani yang bermanfaat kepada penonton. Walau bagaimanapun, fenomena ini turut memerlukan perhatian yang serius daripada pengguna. Hal ini kerana penyebaran dakwah melalui TikTok tidak terlepas daripada cabaran dan risiko, termasuk penyebaran maklumat yang tidak tepat, penggunaan bahasa atau pendekatan yang tidak sesuai, serta potensi untuk menimbulkan kekeliruan terhadap ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu, penyebaran dakwah di aplikasi ini perlu dilaksanakan dengan berhati-hati, berpandukan ilmu yang sahih dan kaedah yang berhemah agar tidak memberi kesan negatif kepada masyarakat.

### **5.1 Kebaikan Dakwah di Tiktok**

Salah satu manfaat utama penyebaran dakwah melalui aplikasi TikTok adalah keupayaannya menyampaikan maklumat berkaitan Islam kepada masyarakat secara menyeluruh, tanpa mengira latar belakang agama, bangsa, atau status sosial. Ini kerana TikTok digunakan oleh pelbagai lapisan masyarakat di seluruh dunia, termasuk golongan bukan Islam. Fenomena ini membuka ruang yang luas kepada para pendakwah untuk menyampaikan mesej Islam dalam bentuk yang mudah difahami dan bersifat universal. Usaha ini wajar disokong oleh masyarakat Islam kerana ia berpotensi menangkis tanggapan negatif dan salah faham terhadap agama Islam, khususnya berkaitan dengan fenomena Islamofobia dalam kalangan masyarakat bukan Islam. Dalam konteks ini, penyebaran dakwah melalui TikTok

dapat membantu memperbetulkan persepsi serta memperkenalkan ajaran Islam yang sebenar dengan pendekatan yang inklusif dan mesra masyarakat.

Selain itu, penyebaran dakwah di TikTok juga membantu merungkai permasalahan hukum yang sering menjadi persoalan dalam kehidupan seharian masyarakat. Terdapat banyak kandungan video yang menjawab persoalan berkenaan hukum-hakam seperti ibadah, muamalat, akhlak dan isu semasa yang berhubungan dengan syariat Islam. Namun begitu, pengguna perlu memastikan kesahihan maklumat atau fatwa yang disampaikan agar tidak berlaku penyebaran ilmu yang tidak tepat, khususnya dalam perkara yang menyentuh akidah. Ini kerana akidah merupakan tunjang utama dalam kehidupan seorang Muslim dan menjadi asas kepada kebahagiaan hidup di dunia serta keselamatan di akhirat. Justeru, para pendakwah bertanggungjawab untuk menyampaikan kandungan dakwah yang sahih dan bersumberkan ilmu agar tidak menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat.

Tambahan pula, penggunaan TikTok dalam menyampaikan dakwah telah berjaya menarik minat pengguna melalui pendekatan visual dan kreatif. Kandungan dakwah yang disampaikan dalam bentuk video pendek dengan penambahan elemen seperti muzik latar, templat menarik dan animasi menjadikan mesej dakwah lebih menarik, mudah difahami dan mesra pengguna. Pendekatan ini berkesan dalam menarik perhatian pengguna khususnya generasi muda untuk lebih mendekati ilmu dan nilai-nilai agama. Oleh itu, penyebaran dakwah di TikTok bukan sahaja memberi manfaat kepada masyarakat, bahkan melaksanakan perintah Allah SWT yang mengarahkan umat Islam agar menyampaikan kebaikan dan mencegah kemungkaran, sebagaimana firman-Nya:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
أُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Bermaksud: “Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma’ruf dan mencegah dari yang mungkar. Merekalah orang-orang yang berjaya.” (Surah Ālī-‘Imrān, 3:104)

Menurut Prof. Dr. Hamka dalam *Tafsir Al-Azhar*, ayat ini mengandungi dua perintah penting dari Allah SWT iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Beliau juga menjelaskan bahawa dakwah terdiri daripada dua bentuk iaitu umum dan khusus. Dakwah secara umum ialah usaha menyampaikan ajaran Islam kepada keseluruhan masyarakat, tanpa mengira latar belakang, manakala dakwah khusus lebih tertumpu kepada individu atau kumpulan tertentu. Dalam konteks aplikasi TikTok, dakwah secara umum dapat dijalankan dengan lebih berkesan kerana capaian kandungan tidak terbatas dan dapat menembusi pelbagai peringkat umur, bangsa dan agama. Justeru, penyebaran dakwah melalui medium ini dapat memenuhi kedua-dua perintah Allah iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Lebih menarik lagi, penyebaran dakwah melalui TikTok turut membuka peluang kepada masyarakat awam untuk menjadi agen dakwah secara tidak

langsung. Dengan berkongsi video atau kandungan dakwah yang diperoleh dari TikTok, pengguna lain juga telah menyampaikan kebaikan kepada masyarakat. Perkara ini selari dengan sabda Nabi Muhammad SAW:

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً

Bermaksud: “Sampaikanlah dariku walaupun satu ayat.” (Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 3274)

Hadis ini menegaskan bahawa menyampaikan ilmu atau kebaikan walaupun dalam bentuk yang kecil tetap dikira sebagai amal dakwah. Oleh itu, berkongsi kandungan dakwah yang sahih melalui TikTok merupakan satu bentuk penyebaran kebaikan yang amat digalakkan. Bahkan, ia juga berpotensi menjadi amalan jariah yang pahalanya berpanjangan. Nabi SAW bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ: إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Bermaksud: “Apabila mati seseorang insan, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan, dan anak soleh yang mendoakannya.” (Hadis Riwayat Muslim, no. 1631)

Imam Nawawi dalam syarahannya menjelaskan bahawa ilmu yang bermanfaat merupakan antara amalan yang akan terus memberi pahala kepada si mati. Maka, menyampaikan ilmu dalam bentuk video dakwah yang sahih dan bermanfaat adalah termasuk dalam kategori ilmu yang dimanfaatkan. Oleh yang demikian, setiap Muslim perlu berusaha untuk menyebarkan ilmu dan kebaikan melalui platform yang tersedia seperti TikTok, agar dapat menambah amal jariah sebagai bekalan menuju kehidupan akhirat.

## 5.2 Keburukan Dakwah Di Aplikasi Tiktok

Walaupun penyebaran dakwah di media sosial adalah satu inisiatif yang baik dan bermanfaat kepada seluruh masyarakat, namun perlu diingat oleh setiap pendakwah bahawa setiap media sosial juga memiliki keburukan terhadap penggunaannya. Sekiranya diperhatikan oleh semua pihak sudah pasti usaha dakwah di media sosial khususnya aplikasi TikTok suatu kebaikan namun ia terdapat beberapa keburukan yang perlu diberi perhatian antaranya penyebaran kandungan dakwah yang bertentangan dengan perkara yang bertentangan dengan ajaran yang dibawa oleh agama Islam. Perkara sebegini akan memacu kepada perpecahan masyarakat disebabkan kekeliruan isi dakwah yang telah disampaikan. Islam amat memandang serius terhadap penyebaran perkara yang bertentangan dengan aturan Islam dan juga melarang umatnya berpecah belah. Hal ini sebagaimana firman Allah

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Maksudnya: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu berpecah belah.” (Surah Ālī-‘Imrān 3:103)

Rasulullah SAW juga memberi peringatan kepada seluruh umat Islam supaya menjaga hubungan sesama umat Islam kerana setiap umat Islam itu saling berhubung dengan satu sama lain. Hal ini sebagaimana sabda baginda

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَّى

Maksudnya: *Perumpamaan golongan yang beriman pada sifat berkasih sayang, saling merahmati, dan saling membantu adalah seperti suatu badan. Apabila ada anggota badan yang sakit, ia menyebabkan keseluruhan tubuh badan tidak dapat tidur dan juga menjadi demam.*” (Muslim, no 2586)

Berdasarkan kepada dalil al-quran dan hadis di atas, perpecahan umat merupakan suatu perkara yang buruk. Kesilapan dalam menyebarkan kandungan dakwah yang bertentangan dengan ajaran Islam yang benar mampu membawa kepada perpecahan umat Islam. Apa yang lebih membimbangkan perkara sebegini berlaku disebabkan sikap ketaksuban segelintir masyarakat dalam memilih pendakwah yang hanya diminati dan menunding kesalahan kepada pendakwah lain disebabkan berbeza pandangan dengan pendakwah yang mereka sanjung sedangkan perbezaan diantara golongan ilmuwan merupakan satu rahmat yang besar kepada masyarakat dan perbezaan ini bukanlah perbezaan dari sudut akidah Islam. Hal ini kerana akidah Islam hanya satu iaitu mentauhidkan Allah SWT dan mengakui tanpa ragu bahawa Nabi Muhammad SAW adalah utusan Allah yang diutuskan untuk membawa kebahagiaan kepada seluruh umat manusia.

Selain berlaku perpecahan umat Islam, perkara yang lebih membimbangkan daripada penyebaran dakwah di TikTok adalah terdapat penghinaan kepada sesetengah agamawan. Hal ini disebabkan sikap taksub kepada individu tertentu atau hukum hakam yang dikeluarkan terkena ke atas diri mereka. Hal ini akan menimbulkan rasa tidak puas hati dalam diri mereka disebabkan teguran yang dilontarkan di aplikasi TikTok dengan mengeluarkan kata-kata yang tidak baik serta menghina agamawan tersebut dengan makian dan cacian.

Apa yang lebih parah, terdapat segelintir masyarakat memberi peringatan kepada pendakwah supaya jangan buat kerja tuhan. Istilah ini diungkapkan disebabkan pendakwah mengeluarkan hukum yang terdapat di dalam al-quran mahupun hadis nabi SAW yang melibatkan seksaan api neraka. Apa yang dinyatakan oleh pendakwah berkaitan perkara ini adalah berdasarkan kepada perintah Allah SWT supaya menyeru kepada kebaikan dan memberi peringatan

kepada manusia khususnya umat Islam. Peringatan yang diberikan seharusnya diambil dan dijadikan peringatan dalam diri kerana setiap peringatan adalah manfaat kepada umat manusia. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT:

وَذَكِّرْ فَإِنَّ الذِّكْرَ تَنْفَعُ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: *“Dan tetap tekunlah engkau memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu mendatangkan faedah kepada orang-orang yang beriman.”* (Surah Az-Zāriyāt 51:55)

Masyarakat pada hari ini seharusnya bersyukur dalam diri kerana kehidupan masa kini ada diberi peringatan oleh sekelompok manusia iaitu para pendakwah dan ulama. Keberuntungan ini perlu dimanfaatkan selagi mana terdapat ulama yang memberi peringatan kerana para ulama mempunyai nilai yang tinggi dalam Islam. Setiap masyarakat seharusnya menjaga tutur kata dan tingkah laku terhadap ulama kerana ketinggian ilmu mereka bukan suatu yang boleh dipertikaikan. Kedudukan kemuliaan ulama adalah disebabkan kedudukan ilmu yang mereka miliki dan Allah SWT telah mengangkat darjat mereka pada kedudukan yang tinggi sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam al-quran

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

Maksudnya: *“Supaya Allah SWT meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan Agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat.”* (Surah Mujādalah 58: 11)

Penghinaan ulama di media sosial khususnya di aplikasi TikTok telah menggambarkan kepada masyarakat bahawa akhlak dan adab segelintir masyarakat masa kini berada pada tahap yang parah dan kritikal. Hal ini kerana sikap yang tidak hormat kepada golongan agamawan sehingga menyelar dengan kata-kata yang tidak sepatutnya dilontarkan. Sikap tidak hormat kepada golongan agamawan menampakkan masyarakat sedang mengalami satu zaman yang cenderung berlaku keruntuhan akhlak manusia.

Perkara ini berlaku disebabkan manusia tidak lagi menghiraukan teguran berkaitan dengan agama dan menganggap teguran itu hanya bersifat peribadi dan emosi sedangkan setiap hukum yang dikeluarkan oleh golongan agamawan ini adalah berpaksikan kepada rujukan utama Islam iaitu al-quran dan as-sunnah. Sekiranya masyarakat tidak menghiraukan perkara ini, maka akan berlaku kehidupan dalam kesesatan yang nyata. Hal ini telah diperingatkan oleh Baginda SAW sebagaimana sabda-Nya

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ، لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

Maksudnya: *“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara dan kamu tidak akan sesat selagimana kamu berpegang dengannya iaitu kitab Allah (al-Qur'an) dan sunnah Nabi SAW.”* (Imam Malik, no 1874)

Selain itu, kandungan dakwah di aplikasi TikTok bukan sahaja berbentuk ceramah semata-mata malah ia juga merangkumi penyampaian dakwah berkonsepkan lakonan video pendek. Penyebaran dakwah yang berbentuk lakonan bukan sahaja dilakukan oleh golongan lelaki malah ia melibatkan golongan wanita. Apabila sesuatu perkara melibatkan kaum wanita, sudah pasti perhatian perlu diberikan secara menyeluruh supaya keterlibatan golongan wanita tidak menjadi satu fitnah kepada masyarakat terutama dari sudut penampilan diri seperti batas aurat, hiasan diri dan kata-kata yang akan diungkapkan.

Keterlibatan golongan wanita dalam menyebarkan dakwah kepada masyarakat khususnya kepada golongan wanita amat diperlukan. Hal ini agar permasalahan berkaitan dengan wanita dapat diselesaikan dengan betul akan tetapi penyebaran dakwah yang berkonsepkan lakonan perlu diberi perhatian yang khusus kerana golongan wanita mempunyai batas yang ketat apabila berhadapan dengan masyarakat. Perkara ini perlu diberi perhatian supaya dapat mengelak dari berlaku fitnah kepada mereka.

Oleh yang demikian, penyebaran dakwah di media sosial khususnya di aplikasi TikTok mempunyai kesan yang baik dan buruk kepada seluruh masyarakat. Perkara ini menjadikan setiap pendakwah harus mengetahui kandungan dakwah yang bakal disampaikan kepada masyarakat keseluruhannya. Kesilapan dalam menyampaikan kandungan dakwah akan meninggalkan kesan yang buruk kepada masyarakat dan juga kesan yang buruk kepada pendakwah tersebut. Hal ini kerana menyebarkan sesuatu perkara untuk dijadikan panduan dan ikutan merupakan satu jariah yang berpanjangan. Jika penyebaran dakwah kepada masyarakat adalah terpesong dari landasan yang dibawa oleh Islam, maka pendakwah itu akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Hal ini sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً، فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا، وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْوَرِهِمْ شَيْءٌ، وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً، فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ عَلَيْهِ مِثْلُ وِزْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا، وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ

Maksudnya: *“Barangsiapa yang memimpin satu sunnah yang baik, maka ia akan mendapat pahalanya dan pahala orang yang mengerjakannya hingga hari kiamat; dan barangsiapa yang memimpin satu sunnah yang buruk, maka ia menanggung dosanya dan dosa orang yang mengerjakannya hingga hari kiamat.”* (Sahih Muslim, Kitab al-Zakah, hadis no. 1017)

## 6.0 IMPAK PENYEBARAN DAKWAH DI APLIKASI TIKTOK

Secara keseluruhannya, penyebaran dakwah melalui aplikasi TikTok mampu memberi impak yang besar terhadap masyarakat, khususnya dalam memperkukuh penghayatan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian umat Islam. Keberkesanan usaha ini bergantung kepada keterlibatan aktif para pendakwah dalam memanfaatkan media sosial sebagai medium utama penyampaian dakwah, selaras dengan perkembangan teknologi maklumat semasa. Menurut Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri dalam satu kenyataannya kepada *Sinar Harian*, semakin ramai pendakwah yang menggunakan media sosial untuk berdakwah, maka semakin besar potensi untuk menangani isu-isu semasa, khususnya yang berkaitan dengan akidah umat Islam.

Namun begitu, setiap pendakwah perlu bijak dan beretika dalam menghasilkan serta menyampaikan kandungan dakwah agar tidak menimbulkan kesan negatif seperti kekeliruan kefahaman atau perpecahan dalam kalangan masyarakat. Antara faktor yang menyumbang kepada kesan negatif ini termasuklah penyampaian dakwah yang tidak jelas, atau pengaruh sikap taksub masyarakat terhadap tokoh tertentu sehingga menimbulkan pertelingkahan sesama umat. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab para pendakwah untuk merancang pendekatan penyampaian dakwah yang berkesan, tersusun dan berpaksikan kepada al-Quran dan Sunnah, supaya mesej Islam dapat disampaikan dengan lebih tepat, berhikmah dan menyeluruh.

## 7.0 KESIMPULAN

Hasil daripada penelitian yang dijalankan menunjukkan bahawa penyebaran dakwah di media sosial, khususnya melalui aplikasi TikTok, merupakan satu inisiatif dakwah yang relevan dan seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Pendekatan ini membolehkan mesej-mesej Islam disampaikan secara meluas bukan sahaja kepada umat Islam, malah juga kepada masyarakat bukan Islam. Usaha ini penting dalam memberikan kefahaman yang tepat mengenai Islam serta menepis tanggapan negatif atau fenomena Islamophobia yang sering disebarkan dalam media sosial.

Perkembangan teknologi, khususnya internet tanpa sempadan, telah merubah landskap penyebaran ilmu dan dakwah. Kini, masyarakat tidak lagi perlu bergantung kepada sumber fizikal semata-mata kerana pelbagai bentuk kandungan keagamaan boleh diperolehi melalui platform digital. Namun begitu, penyebaran maklumat agama yang tidak diteliti dan tidak sahih berisiko mencetuskan kekeliruan, salah faham serta boleh mencemarkan imej Islam yang suci.

Oleh itu, para pendakwah perlu bersikap lebih bertanggungjawab, berhati-hati serta memastikan bahawa setiap kandungan yang dikongsikan berlandaskan sumber yang sahih seperti al-Quran, as-Sunnah dan pandangan ulama muktabar. Ini penting agar mesej dakwah yang disampaikan mampu membina kefahaman yang betul, mengukuhkan akidah umat Islam serta menampilkan keindahan Islam kepada seluruh masyarakat dunia. Pendekatan yang hikmah dan beretika amat diperlukan dalam menjayakan dakwah digital agar ia benar-benar membawa manfaat kepada masyarakat dan tidak menjadi penyebab kepada fitnah terhadap agama Islam.

## Sumbangan Pengarang

Khairuddin, M. Q., adalah pengarang tunggal yang terlibat secara menyeluruh dalam keseluruhan proses penerbitan artikel ini, bermula daripada pembangunan idea, pengumpulan dan analisis data, penulisan manuskrip, semakan literatur, sehingga kepada penyuntingan akhir. Manakala Wan Hassan, W. Z. dan Alias, J., bertanggungjawab menyemak keseluruhan artikel yang disiapkan sebelum penghantaran artikel penuh kepada penerbit.

## Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

## RUJUKAN

- Abdullah, S. S. & Ismail, A. (2022). Kebimbangan dan Peranan Ibu dalam Menjaga Akidah dan Akhlak Anak-Anak Dalam Era Digital. *15(I)*, 195–207.
- Aman. (2023). *Malaysia Antara Negara dengan Angka Pengguna TikTok Tinggi Di Dunia – Lebih 19.3 Juta Pengguna*. <https://amanz.my/2023402179/>
- Aqilah, H., Afifah, H., Asyiqin, N., & Najihuddin, S. (2023). Pengaruh Aplikasi Tiktok Terhadap Kehidupan Sosial Remaja Menurut Perspektif Islam. 743–753.
- Basch, C. H., Hillyer, G. C., & Jaime, C. (2020). COVID-19 on TikTok: Harnessing An Emerging Social Media Platform To Convey Important Public Health Messages. *International Journal of Adolescent Medicine and Health*, 34(5), 367–369. <https://doi.org/10.1515/ijamh-2020-0111>
- Fatriadi, A. (2020). Perspektif Dakwah Islam dalam Penggunaan Aplikasi Tiktok di Masa Pandemi Covid-19. *Osf Preprints*, 11.
- Hikmawati, S., & Farida, L. (2021). Pemanfaatan Media Tik Tok Sebagai Media Dakwah Bagi Dosen IAI Sunan Kalijogo Malang. 2, 1–11.
- Kamarudin, M. A., Kamal, M., Syakir, M., & Safar, J. (2019). Media Sosial dan Dakwah Menurut Islam. *Prosiding Seminar Saint Teknologi Dam Manusia 2019*, 1(1999), 131–142. <https://core.ac.uk/download/pdf/287744111.pdf>
- Kiantini, R. (2021). Kajian Literatur: Pemanfaatan Media Sosial Sebagai Sarana Layanan Perpustakaan Di Masa Pandemi. *STRATEGY: Jurnal Inovasi Strategi Dan Model Pembelajaran*, 1(1), 71–79. <https://doi.org/10.51878/strategi.v1i1.363>
- Malihah, N. (2019). Tiktok Dalam Perspektif Al-Qur'an. *At-Tahfizh*, 1(1), 40–57.
- Nuzuli, A. K. (2022). Motives for Using Tik Tok in Uses and Gratification Theory Perspective. *KOMUNIKA: Jurnal Dakwah Dan Komunikasi*, 16(1), 15–26. <https://doi.org/10.24090/komunika.v16i1.4787>
- Rani, S. (2023). Transformasi Komunikasi Dakwah dalam Era Digital : Peluang dan Cabaran. 4(1), 207–216.
- Shahidah, H., Fauziah, A., Norizan, R., Noranifitri, M. N., Harliana, H., Riki, R., Adi Syahid, M. A., Attan, N., & Khairol Anuar, K. (2020). Impak Penyebaran



- Berita Palsu Melalui Media Sosial Terhadap Masyarakat: Kajian Kes Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Impact of Spreading False News through Social Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Students. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 1(1), 55–63.
- Wahab, N., Muhammad, N., & Ismail, M. (2019). Media Sosial sebagai Medium Dakwah Masa Kini. *International Social Science and Humanities Journal*, 02(01), 14–24.
- Yuni, F. (2017). Analisis Pemanfaatan Berbagai Media Sosial sebagai Sarana Penyebaran Informasi bagi Masyarakat. *Paradigma - Jurnal Komputer Dan Informatika*, 19(2), 152.  
<http://ejournal.bsi.ac.id/ejurnal/index.php/paradigma/article/view/2120>